

17 OCT 2001

Parlimen-Islam

APABILA ANGGOTA DAP BERCAKAP MENGENAI ISLAM

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Seorang anggota DAP yang bercakap mengenai Islam telah menjadikan persidangan Dewan Rakyat bingit kira-kira 10 minit dengan laungan perkataan yang tidak sepatutnya diungkapkan dalam dewan.

Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) mula mendapat perhatian anggota penyokong kerajaan apabila berkata bahawa semasa pilihan raya Sarawak baru-baru ini, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), MCA dan Gerakan telah menentang kuat penubuhan negara Islam tetapi menyokongnya pula selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sebuah negara Islam.

"Pemimpin-pemimpin MCA, Gerakan dan SUPP menerangkan kepada orang bukan Islam bahawa negara Islam yang diumumkan oleh Dr Mahathir ialah negara Islam sekular.

"Jadi saya ingin mendapat penjelasan YAB Perdana Menteri samada apa yang diterangkan oleh MCA, Gerakan dan SUPP itu adalah tepat dengan maksud negara Islam beliau," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001)(No.2) 2001.

Ketika itu Robert Lau Hoi Chew (BN-Sibu), Datuk Mohamad Haji Aziz (BN-Sri Gading), Datuk Mohd Ali Hassan (BN-Tebrau), Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan), Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) dan Shahziman Abu Mansor (BN-Tampin) bangun untuk meminta penjelasan.

Tuduh menuduh dan pertikaman lidah berlaku sehingga Timbalan Speaker Lim Si Cheng meminta anggota dewan bertenang dan patuh kepada peraturan mesyuarat.

"Jaga baik kata-kata yang dikeluarkan," katanya.

Namun begitu, Chong yang diminta meneruskan ucapannya berkata : "Kita tak perlu satu negara Islam untuk 'promote' Islam. Amerika Syarikat adalah negara sekular tetapi Islam berkembang dengan cepat dan baik di sana. Kita perlu ingat negara ini kepunyaan semua. Islam atau bukan Islam mempunyai hak asasi untuk menentukan pembangunan negara ini."

Percakapannya itu sekali lagi mengundang pertikaman lidah apabila lebih ramai anggota dewan beragama Islam bangun serentak, namun Lim pantas memintas dengan mengatakan tempoh perbahasan Chong selama 20 minit telah habis.

Bung Mokhtar semasa membahaskan rang undang-undang itu mengambil kesempatan membidas Chong yang bercakap mengenai Islam.

"Kita boleh bahas apa juga isu mengenai Islam tetapi pembahas mesti faham agama yang dibahaskan itu. Kalau dia tak arif, dia mungkin boleh salah tafsir kedudukan sebenar," katanya.

-- BERNAMA

NZ NZ MAI